



Arkib dan Pustaka Tunku Abdul Rahman Putra

Arkib dan Pustaka Tunku Abdul Rahman Putra

NAMA: ...
NO. ...
...

Atiq dan Puteri Tunji Abdul Rahman Pura

1111111111



YANG TERAMAT MULIA TUNKU ABDUL RAHMAN
PUTRA AL-HAJ IBNI AL MARHUM SULTAN ABDUL
HAMID HALIM SHAH, D.M.N., K.O.M.

ARKIB DAN PUSTAKA TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA

Arkib dan Pustaka Tunku Abdul Rahman Putra dengan nama ringkasnya APTARP ialah simbol penghargaan nilai tinggi dan penghormatan negara dalam bentuk yang kekal terhadap seorang negarawan yang juga menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertama, iaitu Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah, kerana sumbangan-sumbangannya yang bermutu dalam berbagai-bagai lapangan ke arah kemajuan negara. Di bawah pimpinannya negara ini telah mencapai kemerdekaan secara aman. Ini diikuti pula dalam tahun 1963 dengan pembentukan Malaysia, sebuah negara yang berdaulat dan merdeka yang mengandungi negeri-negeri Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Y.T.M. Tunku juga melambangkan kepercayaan yang ikhlas dan adalah menjadi hasrat beliau bahawa semua penduduk Malaysia yang berbilang bangsa dalam negara ini hidup dalam aman, harmuni dan bekerjasama serta mengamalkan cara hidup yang demokratik. Di bawah pimpinannya negara ini telah mengalami pembangunan ekonomi yang sungguh pesat. Disamping itu negara juga dapat mengalahkan keganasan komunis.

Arkib dan Pustaka Tunku Abdul Rahman ini telah mula dirancang oleh Arkib Negara semenjak tahun 1963 dan telah diluluskan penubuhannya oleh Kerajaan sebagai satu projek di bawah tadbiran Arkib Negara dalam tahun 1972. Arkib dan Pustaka ini didasarkan selaras dengan projek penubuhan Presidential Libraries di Amerika Syarikat, India, Filipina dan Liberia. Selain daripada Arkib dan Pustaka Tunku Abdul Rahman Putra (APTARP), sumbangan Perdana Menteri yang kedua juga telah diabadikan dengan penubuhan Pustaka Peringatan Tun Abdul Razak (PINTAR) dalam tahun 1976.

Projek Arkib dan Pustaka ini bukan sahaja merupakan satu daya menghargai jasa-jasa seorang pemimpin negara, malahan merupakan inisiatif yang sedia ada pada Kerajaan untuk menggalakkan penyimpanan serta pengkajian objektif sejarah negara dengan berpandukan dokumen-dokumen yang asli dan dilihat dari kaca mata warganegara itu sendiri.

Projek ini merangkul tiga bidang kerja—kerja-kerja pengkhususan arkib, perpustakaan dan muzium. Dokumen-dokumen, ucapan-ucapan, buku-buku, bahan-bahan pandang dengar, hadiah-hadiah, anugerah-anugerah kebesaran serta memorabilia kepunyaan dan mengenai Y.T.M. Tunku daripada masa beliau kecil

sehingga tamat berkhidmat kepada negara dipelihara di Arkib dan Pustaka ini buat selama-lamanya. Disamping tugas-tugas pemeliharaan, Arkib dan Pustaka ini juga memberi kemudahan-kemudahan penyimpanan, pamiran, rujukan dan penyelidikan. Sebagai sebuah badan penyelidikan, ia tidak bercorak partisan dan menggalakkan kajian serta memberi kemudahan penyelidikan berhubung dengan Y.T.M. Tunku sendiri sebagai Bapa Malaya dan Malaysia dan pentadbirannya, sejarah dan pembangunan negara waktu Y.T.M. Tunku berkhidmat dan jawatan Perdana Menteri, memandangkan betapa pentingnya jawatan tersebut disebuah negara yang demokratik dan berbilang bangsa. Dengan ini Arkib dan Pustaka ini menjadikan satu galakan kepada orang-orang yang mempunyai hubungan dan kaitan dengan Y.T.M. Tunku supaya menyumbangkan rekod-rekod persendirian mereka untuk dipelihara di bawah projek ini. Khususnya, Arkib dan Pustaka ini ialah sebuah monument yang kekal bagi satu epok sejarah kita yang penting dalam mana Y.T.M. Tunku memegang teraju negara.

Kerajaan apabila meluluskan cadangan penubuhan Arkib dan Pustaka ini telah membuat keputusan bahawa projek ini dilaksanakan dalam dua peringkat. Pertama, Arkib dan Pustaka ini ditubuhkan sebagai satu bahagian dibangunan Arkib Negara. Pada peringkat keduanya, sebuah bangunan yang berasingan dan istimewa, di bawah tadbiran Arkib Negara, akan didirikan. Sebuah jawatankuasa khas telah ditubuhkan di bawah pengerusian Y.B. Menteri yang bertanggungjawab terhadap jabatan ini iaitu Y.B. Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan untuk merancang dan melaksanakan projek ini. Penubuhan Jawatankuasa khas ini yang terdiri daripada tokoh-tokoh negara yang dinamik telah memesatkan perolehan bahan-bahan bagi projek Arkib dan Pustaka ini. Berbagai-bagai saranan serta buah fikiran telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa tersebut. Saranan-saranan memaparkan ciri-ciri sistematik yang sedia ada pada ahli-ahli Jawatankuasa.

Sifat unique Arkib dan Pustaka ini memerlukan pengawalan serta pengurusan oleh kakitangan profesyenal dan teknikal yang tertakluk dalam bidang pemeliharaan bahan-bahan dan alat-alat bersejarah serta berpengalaman menjalankan penyelidikan ke atas bahan-bahan tersebut. Pendidikata, ketiga-tiga tugas, arkib, muzium dan perpustakaan dijalankan serentak di dalam Arkib dan Pustaka ini yang akan diurus dan ditadbirkan oleh Arkib Negara.

Hingga masa ini, Arkib dan Pustaka ini adalah sebagai salah satu projek Bahagian Arkib Perdana Menteri, Arkib Negara. Arkib dan Pustaka ini telah berjaya mendapatkan fail-fail, rekod-rekod, surat-surat persendirian, buku, objek-objek, bahan-bahan pandang dengar, akhbar, keratan akhbar dan sebagainya daripada punca-punca rasmi dan tidak rasmi. Y.T.M. Tunku sendiri telah menyumbangkan bahan-bahan untuk projek ini.

Antara langkah-langkah lain yang dijalankan ialah mengadakan dokumentasi lisan mengenai Y.T.M. Tunku. Rakaman-rakaman sehingga kini telah diadakan dengan kaum keluarga dan rakan-rakan Y.T.M. Tunku. Tujuannya ialah untuk memperlengkapkan lagi dan memenuhi maklumat-maklumat yang tidak cukup mengenai Y.T.M. Tunku.

Disamping itu, bangunan Pejabat Lama Y.T.M. Tunku di Jalan Datuk Onn, Kuala Lumpur yang dibena dalam tahun 1956 telah dipindah dan dibena semula di Petaling Jaya dan terletak sekarang ini diperkarangan Pusat Rekod Arkib Negara. Sebuah "replica" Pejabat Y.T.M. Tunku dan Bilik Mesyuarat Y.T.M. Tunku telah dibena kembali seperti masa Y.T.M. Tunku menjadi Perdana Menteri di bangunan tersebut dan akan dipamerkan kepada orang ramai.

Adalah diharapkan apabila sebuah bangunan yang berasingan dan istimewa telah dibena untuk Arkib dan Pustaka ini segala kemudahan untuk menyimpan, memelihara dan mempamerkan bahan-bahan kepunyaan dan mengenai Y.T.M. Tunku akan dapat diperolehi.

Antara langkah-langkah yang disyorkan ialah mengadakan satu dokumentasi Y.T.M. Tunku. Pembinaan dokumentasi ini akan dibuat mengikut garisan-garisan yang membahagi-bahagikan peringkat-peringkat hidup Y.T.M. Tunku. Pembahagian itu adalah seperti berikut :

- (a) Semasa menjadi penuntut sebelum perang,
- (b) Sebagai pegawai Kerajaan,
- (c) Semasa menuntut semula di United Kingdom selepas perang,
- (d) Sebagai pegawai Kerajaan semula,
- (e) Perkhidmatan politik,
- (f) Segala yang berkaitan dengan Kemerdekaan,
- (g) Sebagai Perdana Menteri,
- (h) Setelah bersara.

Satu lagi langkah yang pasti memberi tinjauan yang mendalam serta bermakna, yang tidak mungkin dapat dihasilkan oleh orang-orang yang hanya mengenal Y.T.M. Tunku dari jauh, merupakan penulisan satu "biography" Y.T.M. Tunku oleh rakan-rakan beliau. Penulisan tersebut akan merupakan pendekatan yang lebih tepat serta pengertian yang lebih bermakna dalam usaha mengenal serta memahami sikap seorang tokoh negara.

Untuk melengkapkan lagi koleksi APTARP supaya dapat memenuhi objektif-objektif asasi penubuhannya, pihak Arkib Negara serta ahli-ahli Jawatankuasa APTARP menyeru rakan-rakan karib Y.T.M. Tunku serta orang-orang awam supaya turut serta dalam projek tersebut. Sebagaimana yang telah diterangkan, sumbangan di dalam bentuk gambar-gambar, dokumen-dokumen, bahan-bahan memorabilia dan sebagainya sungguh-sungguhlah diharapkan. Memadailah jika dikatakan bahawa tiap-tiap sumbangan akan memaparkan sedikit sebanyak peninggalan sejarah.

